

Pergerakan silat di Indonesia dijelaskan oleh dua jurulatihnya

15 AUG 1977

^{Pencak silat}
BAGI dua orang jurulatih silat dari Indonesia, silat sudah menjadi sebahagian dari hidup mereka dan sentiasa berusaha untuk memperbaiki dan mengembangkannya di kalangan belia.

Kedua orang jurulatih silat itu, Encik Januarno dan Haryadi Mawardi dari Jakarta, telah bersama-sama dengan pasukan undangan dari Ikatan Pencak Silat Indonesia yang mengambil bahagian dalam pesta anjuran Persisi.

Gambaran

Bila ditemui sebaik ketibaan mereka di sini Encik Januarno dan Encik Haryadi telah memberi gambaran yang jelas tentang pergerakan silat di seluruh Indonesia.

Menurutnya, kesemua kelab-kelab silat di Indonesia bergabung di bawah Ikatan Pencak Silat Indonesia yang diketuai oleh seorang pengurus besar.

Di bawahnya terdapat 26 provinsi yang diketuai oleh 26 orang pengurus daerah. Dan setiap provinsi atau daerah mempunyai beribu-ribu — kalau tidak beratus — kelab-kelab silat yang kecil.

Pemilihan ke jawatan-jawatan mentadbir pergerakan IPSI, akan diadakan setiap empat tahun yang bertujuan dan memberi kesempatan kepada pucuk pimpinan menjalankan kegiatan dengan teratur.

Kategori

Encik Haryadi menerangkan bahawa silat di Indonesia boleh secara kasar di bahagi ke dalam tiga bahagian.

"Yang pertama ialah Seni Pencak Silat Irama di mana perhatian diberi kepada bunga, langkah dan jurusnya.

"Sebagai contoh, jika silat itu dari daerah Jawa Barat, Timur atau Jakarta, maka ia akan diiringi oleh rentak lagu yang berbeza.

"Ada yang menggunakan gendang saja dan ada juga yang diiringi oleh gamelan, tambahnya lagi. 15 AUG 1977

Kategori kedua, sambilan Encik Haryadi lagi, ialah berkenaan Beladiri atau teknik-teknik silat dan kategori ketiga ialah Beladiri Konsentrasi (lebih dikenali di Singapura sebagai Silat Kebatinan).

Encik Januarno pula berkata bahawa silat juga telah dikaji dan diusahakan sebagai satu bentuk olahraga di kalangan kelab-kelab silat dan sukan olahraga campur silat sudah dijadikan satu acara tahunan.

Mereka pernah ke Singapura sebelum ini atas jemputan dari sebuah persatuan pugilistik tempatan, Lawatan ke Malaysia dan Eropah untuk persembahan, terutama ke Belanda.

Persisi didorong terus teroka kegiatan2 baru

15 AUG 1977

utk kenalkan silat

^{Pencak silat}
KIRA-KIRA 6,500 peminat seni silat tempatan telah membanjiri Panggung Negara minggu lalu untuk menyaksikan Pesta Silat dan Demonstrasi Silat Tiga Negara anjuran Persekutuan Silat Singapura (PERSISI).

Sambutan hangat dan di luar dugaan oleh Persisi itu, menurut Setiausaha Agungnya, Encik Johari Uriff, akan mendorong persekutuan itu untuk terus meneroka bidang-bidang dan kegiatan-kegiatan buru bagi memperkenalkan silat dengan lebih luas lagi. 15 AUG 1977

Bahkan kejayaan Persisi menganjur Demonstrasii Silat Tiga Negara yang melibatkan badan-badan persilatan dari Indonesia dan Malaysia telah mendapat pujian yang tinggi.

Seorang pegawai dari Ikatan Pencak Silat Indonesia (IPSI) telah melahirkan kekagumannya atas keupayaan Persisi yang baru setahun jagung mentadbir dan

menganjur Demonstrasi Silat Tiga Negara itu.

Mereka juga berharap bahawa pesta serupa ini dapat diadakan di Indonesia dan juga Malaysia untuk memberi kesempatan kepada para peminat dan peminat seni silat di negara-negara jiran mengenal dan menyaksikan perkembangan silat di negara lain.

Encik Johari berkata dalam mesyuarat antara pegawai-pegawai dari ketiga negara itu beberapa saranan telah dibuat dan akan dikaji dan dilaksanakan di mana yang boleh.

Sambutan

Besar kemungkinan demonstrasi silat seperti ini akan berlangsung di Jakarta pada tahun depan dengan penyertaan Malaysia dan Singapura. Juga dijangka ia akan berlangsung di Malaysia pada tahun berikutnya.

Jika pesta-pesta silat tiga negara yang dijangka berlangsung di Indonesia dan Malaysia itu mendapat sambutan yang baik, besar kemungkinan ia akan menjadi acara tahunan yang dianjurkan bergilir-gilir kelak.

Menyentuh tentang pertukaran idea dan muhibah yang dijalin, Encik Johari berkata ini telah tercapai dan Persisi telah banyak mempelajari dan mendapat idea

idea baru dari Malaysia dan Indonesia.

Sebagai contoh, Persisi sedang mengkaji peraturan-peraturan olahraga dan cara-cara untuk menyesuaikan bagi melibatkan kerabat-kerabat Persisi dalam sukan olahraga tempatan.

Dalam usaha untuk memperkenalkan silat di sini, Persisi sedang mengkaji kemungkinan menyiapkan sebuah 'buku persilatan'.

Buku persilatan ini akan dapat digunakan bukan saja di Singapura bahkan juga di Malaysia dan bagi kajian orang-orang bukan Melayu yang ingin mengetahui lebih lanjut berkenaan seni mempertahankan diri orang-orang Melayu.

Walaupun mutu silat dari ketiga-tiga negara itu adalah sama tarafnya, tetapi Persisi telah mendapat idea dari pesta itu untuk mempelajari silat sebagai seni — di mana permainan 'bunga' atau jurusnya disesuaikan dengan rentak lagu atau gendang.